BINTULU PORT AUTHORITY (SARAWAK)

NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan berikut:-

No. Ruj. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Pendaftaran Kategori, Kepala & Sub- Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Sebut Harga	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga
BPA/600/Q03/ 2026	***Quotation For Cutting And Removal Of Grass, Bushes And Trees At Taman Melor, Bintulu Port Authority (Sarawak) Premises And Boundary Fencing***	**Bidang Perkhidmatan dan Bekalan** **Kategori C** **Kepala VII** **Sub-Kepala 8**	**RM50.00**	**10 November 2026 (Jumaat) Jam 4.00 Petang**	**11 November 2026 (Rabu) Jam 12.00 Tenghari**

1. Taklimat dan Lawatan Tapak (WAJIB)
Sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan. Hanya penyebut harga yang menghadiri lawatan tapak sahaja yang dibenarkan untuk membeli dokumen sebut harga.

Tarikh	**:**	**4 November 2026 (Rabu)**
Masa	**:**	**10.00 Pagi**
Tempat Berkumpul	**:**	**Bilik Mesyuarat Kuala Nyalau, Aras 8**
Pegawai Dihubungi	**:**	**Encik Zulhilmi Mohammed Arnee**
No Telefon	**:**	**086-232850**

Syarat Kehadiran Lawatan Tapak
Hanya penama di dalam sijil pendaftaran UPKJ/CIDB sahaja yang layak menghadiri lawatan tapak ini dan tidak boleh mewakilkan pegawai lain.
Sila bawa bersama sijil asal UPKJ, Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan) serta kad pengenalan untuk tujuan pengesahan dan saringan kelayakan semasa pendaftaran lawatan tapak.

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal / Kontraktor yang layak.

3. Bayaran bagi Dokumen Pelawaan Sebut harga hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wangkiriman pos berpalang (*postal order*) atau *electronic fund transfer* (EFT) atau pembayaran atas talian melalui platform pembayaran seperti FPX dan dibayar atas nama **BINTULU PORT AUTHORITY (SARAWAK)** . Sila hubungi Urus Setia Perolehan untuk mendapatkan maklumat pembayaran di talian 086-232817.

4. Contoh Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai 28 Oktober 2026 hingga 10 November 2026 pada waktu pejabat di alamat **Bintulu Port Authority (Sarawak) Aras Lobi,5,8,9 & 10 Menara Kidurong, Jalan Tanjung Kidurong 97007 Bintulu,Sarawak**

BINTULU PORT AUTHORITY (SARAWAK)

NOTIS SEBUT HARGA

5. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat- lewatnya **jam (12.00) tengahari / petang** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Bintulu Port Authority (Sarawak)
Aras Lobi,5,8,9 & 10
Menara Kidurong
Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu,Sarawak

6. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.

7. **Bintulu Port Authority (Sarawak)** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.



.....
Tandatangan
Kapt.Zakhir Khan Bin Yusop
Pengurus Besar (Menanggung)
Bintulu Port Authority (Sarawak)

Tarikh:28 Oktober 2026